

## ● DARI MUKA 1

EC boleh membuka peluang kepada Asean untuk meneroka peluang pelaburan di Eropah Barat dan Timur, atau sama-sama menyertai proses membangunkan semula ekonomi blok Timur," katanya.

Selama ini, katanya, EC dan negara Barat yang lain lebih berminat berbincang mengenai cara-cara mengenai kuota, tarif dan sekatan dagangan terhadap negara rantau lain.

Mengenai Kampuchea, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu menyegerakan rancangan yang terkandung dalam draf Pelan Tindakan Komprehensif (CPA) bagi menyelesaikan masalah pelarian dan pembangunan semula Kampuchea.

Asean dan negara Asia Selatan, katanya, ti-

dak harus dibiarkan memikul beban sebagai pelindung pelarian secara berterusan, kerana masyarakat dunia turut mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Berhubung isu dadah, beliau berharap sesi khas Perhimpunan Agung PBB beberapa hari lagi akan merumuskan satu bentuk tindakan lebih tegas untuk dikenakan ke atas negara pengeluar dan pengguna dadah.

Semua enam anggota Asean menyertai mesyuarat itu. Bagaimanapun, sebuah daripada 12 anggota EC, iaitu Greece, tidak menghantar wakil ke mesyuarat kali ini. Malaysia diwakili oleh Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud.

## Demi kepentingan politik

# Blok Barat tabur fitnah

SH 17 FEB 1990

**KUCHING, Jumaat** — Malaysia hari ini menyelar pendirian blok Barat yang sengaja menimbulkan pelbagai isu mengenai kayu tropika, suku kaum Penan di Sarawak dan urusniaga antarabangsa yang kurang cekap kerana kepentingan politik.

Berucap merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean-EC (AEMM) di sini hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata politik Barat terlalu menitikberatkan perkembangan di negara lain, sedangkan mereka sendiri menghadapi masalah yang lebih berat.

Ucapan beliau menyentuh enam perkara utama yang akan dibincangkan oleh mesyuarat AEMM, iaitu hubungan dagang Asean-EC, perkembangan di Eropah Timur, kayu tropika, Penan, dadah dan isu Kampuchea.

Menurutnya, isu mengenai Penan seperti yang digembarkan oleh masyarakat Barat, dibuat oleh sesetengah pihak yang ada kepentingan politik, dengan tujuan menjejaskan ekonomi serta pembangunan negara ini.

Isu Penan, katanya, dikaitkan dengan pemulauan terhadap import kayu tropika Malaysia ke Eropah sehinggakan perkara yang tidak benar itu berjaya mempengaruhi sebahagian besar anggota EC, di samping Amerika Syarikat.

"Jika mereka yang mendakwa pejuang alam sekitar ini benar-benar jujur, mereka boleh mengusulkan agar industri yang ada kena-mengena

dengan pembalakan itu dipindahkan ke negara pengeluar.

"Tetapi mereka sebaliknya berkempen memburuk-burukkan negara pengeluar, tanpa meneliti terlebih dahulu dasar yang kita amalkan," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap aliran dagangan Asean-EC, yang menurutnya diuruskan mengikut dasar yang tidak adil dan kurang cekap.

Menurutnya, EC sebagai rakan dagangan ketiga Asean (selepas Jepun dan Amerika Syarikat), sepatutnya membuka lebih banyak peluang pelaburan dan kerjasama di Eropah, dan bukan setakat menghadkannya kepada blok dagangan Barat semata-mata.

"Banyak peluang boleh diprolehi, khasnya ketika Eropah Timur mula beralih ke arah menuntut demokrasi.

● LIHAT MUKA 2